

**Perwakilan Umno Sambut Baik Sistem Pemilihan 'Electoral College'
Bernama
12 Oct, 2013**

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Para anggota perwakilan Pergerakan Pemuda, Puteri dan Wanita Umno berpuas hati dengan pelaksanaan sistem 'Electoral College' dalam pemilihan parti hari ini bagi menentukan pemimpin di peringkat bahagian dan pusat.

Mereka rata-rata berpendapat sistem itu boleh dipraktikkan dalam pemilihan akan datang kerana bersifat demokratik selain memberi peluang mereka mengenali lebih dekat calon-calon.

Melalui sistem pemilihan itu setiap bahagian akan memberikan satu undi untuk seorang calon bagi setiap jawatan, untuk memberi suara lebih besar kepada anggota dari 191 bahagian memilih kepimpinan parti ke arah menjadikan Umno lebih telus dan demokratik.

Sebelum pemilihan diadakan, calon-calon diperkenalkan kepada anggota di negeri-negeri.

Anggota Exco Pemuda Umno Bahagian Bukit Bintang, Jefree Zain Affendi, 39, berkata sistem baharu itu merupakan peluang terbaik untuk lebih banyak anggota Umno memilih pemimpin mereka sekaligus dapat menjadikan mereka lebih aktif dan dihargai.

"Selama ini, banyak anggota yang menjadi seperti 'sleeping members', tidak ada fungsi. Saya yakin pendekatan baharu ini dapat merapatkan hubungan sesama anggota untuk bekerjasama dengan pemimpin yang kita kenal dan tahu latar belakangnya," katanya kepada Bernama selepas sesi pengundian di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini Sabtu.

Naib Ketua Pemuda Umno Bahagian Bukit Bintang, Nor Zaini Rakimen, 45, pula berpendapat pembaharuan itu dapat memberi peluang kepada anggota perwakilan di semua peringkat mengenali secara jelas keperibadian calon yang bertanding jawatan tertinggi.

"Namun, beberapa perkara yang perlu diperjelaskan secara terperinci, antaranya calon yang pada sama bertanding di peringkat pusat. Apabila calon menang di pusat namun kalah di peringkat bahagian, bagaimana nasibnya?"

"Saya cadangkan ia boleh ditambah baik supaya tidak timbul kekeliruan dalam kalangan para perwakilan pada pemilihan seterusnya," katanya.

Ketua Wanita Cawangan Jalan P. Ramlee, Kamariyah Tahir, 68, berkata sistem itu membolehkan anggota perwakilan untuk turut membantu dalam meneruskan kesinambungan perjuangan parti.

Naib Ketua Wanita cawangan Jalan P. Ramlee, Widiyanti Samsi, 38, pula berpendapat sistem itu dilihat lebih sistematik dan tertib walaupun perjalanannya agak perlahan.

"Mungkin sebab ini kali pertama diadakan, namun saya yakin melalui proses pemilihan ini akan dapat mengetengahkan mereka yang benar-benar berupaya dan menyumbang kepada parti berdasarkan prestasi mereka selama ini," katanya.

Sementara itu, Exco Puteri Umno cawangan Kampung Cendana, Bahagian Titiwangsa, Noor

Fazillah Muhari, 32, berkata imej dan nama baik Umno dapat dinaikkan berikutan pembaharuan yang dilaksanakan dalam memilih pemimpin yang tepat dalam parti.

"Kita di peringkat akar umbi boleh tahu siapa yang buat kerja dan sebaliknya...jadi bila kita diberi lebih suara untuk memilih, kita juga boleh tahu pemimpin mana yang mempunyai hala tuju dan wawasan yang jelas untuk memimpin," katanya.

Ketua Puteri Cawangan Jalan Ampang Hilir, Bahagian Titiwangsa, Nur Syuhada Zainudin, 21, pula berkata sebelum ini ada had dan batasan jika hendak memilih calon yang bertanding di peringkat tertinggi namun sekarang sudah dibuka kepada semua perwakilan.

"Sistem ini bukan sahaja membolehkan calon jawatan tinggi berinteraksi dengan perwakilan peringkat pusat malah turut memberi peluang kepada mereka turun padang memperkenalkan diri kepada perwakilan peringkat akar umbi, kata Nur Syuhada.

Pemilihan ketiga-tiga sayap itu menyaksikan 110,765 anggota perwakilan Wanita, kira-kira 70,000 Pemuda dan kira-kira 50,000 Puteri melaksanakan tanggungjawab masing-masing untuk memberi mandat baharu bagi memastikan kesinambungan kepimpinan sayap parti.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=985158>